

Zakat info



Keluaran 01/2018
www.zakatpenang.com

زكاة فريهاتين
Zakat Pribatin



MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN Mutiara PDCA 2017 dan Pelancaran 2018



Bantuan Persekolahan Sesi 2018

3



Lawatan Susulan Penerima Bantuan Katil

5



Pendaftaran Pelajar Inapan Kasih Sayang 2018

6



Majlis Anugerah Kecemerlangan Mutiara PDCA 2017 dan Pelancaran Mutiara PDCA 2018

21 FEBRUARI 2018 , Seberang Jaya - Majlis perasmian yang berlangsung di SP Arena, Seberang Jaya telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Sektor Jaminan Kualiti, YBrs. Dzolkapli Bin Haji Harun yang mewakili Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan ucapan perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi JK Fokus Group Pembangunan Modal Insan Bumiputera, YB Tuan Haji Shariful Azhar bin Othman. Program Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA) adalah program bersepada di antara Jabatan Perdana Menteri (ICU), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), PERDA dan Zakat Pulau Pinang, MAINPP. ZPP telah menyumbangkan dana sebanyak RM1.6 juta bagi menjayakan program saban tahun ini.

Dalam program MPDCA, semua calon UPSR dan SPM yang beragama Islam di Pulau Pinang berpeluang untuk mendapat tuisyen secara percuma dengan menggunakan modul yang dibuat khas yang digubal oleh panel-panel yang dilantik daripada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Alhamdulillah, program MPDCA yang dimulakan pada tahun 2006 ini telah menyumbang kepada peningkatan prestasi pelajar-pelajar terlibat di negeri Pulau Pinang.

Zakat Pulau Pinang telah selesai mengagihkan Bantuan Persekolahan Sesi 2018.

Bantuan pakaian seragam untuk sekolah rendah itu telah diagihkan kepada 7,650 pelajar dari 153 buah sekolah seluruh Pulau Pinang.

Bantuan berupa baucar tunai yang berharga RM150.00 pula telah diagihkan kepada 18,000 orang pelajar di seluruh Pulau Pinang dengan nilai agihan berjumlah RM2,700,000.00. Baucar kelengkapan persekolahan tersebut boleh ditebus di pasaraya dan kedai-kedai terpilih yang telah dilantik oleh ZPP.

Melalui Borang Bantuan Awal Persekolahan (berdasarkan syarat mengikut keluarga) pula, kadar bantuan bagi seorang anak yang bersekolah rendah sebanyak RM200.00 manakala bagi seorang anak yang bersekolah menengah RM250.00. Sebanyak 7,000 keping borang telah diedarkan dan diluluskan untuk proses pembayaran terus ke akaun pemohon bantuan.

Terima kasih pembayar zakat. Semoga kalian beroleh kejayaan di dunia dan akhirat. Untuk mendapatkan info terkini, ‘follow’ kami di ‘facebook’ Zakat Pulau Pinang.



Bantuan Persekolahan Sesi 2018



PSDC,
Bayan Lepas

7 DISEMBER 2017 , Bayan Lepas - Majlis Penyampaian Bantuan Pendidikan Zakat Pulau Pinang telah diadakan di Penang Skill Development Centre (PSDC), Bayan Lepas.

Majlis Penyampaian Bantuan Pendidikan ZPP- PSDC

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah YB Dato' Haji Salleh Bin Man, YDP MAINPP, YBhg. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain, Timb. YDPP MAINPP, YBhg. En Muhammed Ali Hajah Mydin, CEO PSDC serta beberapa pegawai kanan dari Zakat Pulau Pinang. Turut hadir bagi menyaksikan majlis berkenaan adalah pelajar-pelajar tajaan Zakat Pulau Pinang.

Dalam majlis tersebut, bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar asnaf tajaan Zakat Pulau Pinang di PSDC yang berjumlah RM1,400,000.00 telah diserahkan kepada CEO PSDC oleh YDP MAINPP. Tajaan berkenaan bagi membiayai kos pembelajaran seramai 386 orang pelajar di peringkat SKM Tahap 1&2 dan diploma kejuruteraan.

Terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat di negeri Pulau Pinang.

Kepala Batas,
Seberang Perai Utara



Sudah Jatuh Ditimpa Tangga

17 JANUARI 2018, Kepala Batas - Puan Robiah Ismail yang telah kehilangan suaminya pada tahun lepas, telah dijatu sekali lagi dengan kemalangan motosikal anaknya pada bulan Disember 2017 yang lalu. Pada jam 11 malam hari kejadian, anaknya yang berumur 30 tahun itu, keluar membongeng motosikal untuk membeli makanan untuk ibunya, namun malang tidak berbau, motosikal yang ditungganginya terbiasa dan terlibat dalam kemalangan. Kini anaknya itu sepenuh masa terlantar di Hospital Kepala Batas akibat kecederaan otak yang serius.

Setelah kemalangan tersebut, Puan Robiah telah kehilangan sumber pendapatan untuk menyara keluarga kerana sebelum ini sumber pendapatan keluarga bergantung sepenuhnya pada anaknya itu.

Sehubungan itu, ZPP akan menyalurkan bantuan berupa kewangan bulanan kepada Puan Robiah bagi meringankan beban yang ditanggungnya. Doa kita agar anaknya kembali sihat seperti sedia kala. Terima kasih kepada Hospital Kepala Batas di atas kerjasama yang diberikan.

4
Kepala Batas,
Seberang Perai Utara



Doakan Kesembuhan Qaiyum

26 MAC 2018, Kepala Batas - Hasil dari info kesusahan yang dipanjangkan kepada pengetahuan kami oleh page Penang kini, Alhamdulillah Team Peduli Asnaf Zakat berjaya menemui rumah keluarga saudara Qaiyum, 22 tahun, yang dilaporkan terlantar lumpuh sejak kecil. Borang permohonan bantuan telah diisi dilokasi oleh ayah beliau sebagai ketua keluarga dengan bimbingan staf kami. Bantuan yang sesuai dari wang zakat yang ditunaikan di Zakat Pulau Pinang akan disalurkan bagi meringankan beban kos ubatan dan lampin pakai buang saudara Qaiyum. InsyaAllah. Terima kasih atas sokongan anda selama ini. Teruskanlah menuaikan zakat bersama kami bagi membantu asnaf yang memerlukan. Moga Allah memberi kesembuhan buat Qaiyum serta mempermudahkan urusannya. Ameen...

Permatang Pauh,
Seberang Perai Tengah



Serahan Bantuan Kerusi Roda

27 Mac 2018 , Permatang Pauh : Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif JAPM, ZPP, Ustaz Mohamad Kairi Bin Ghazalli bersama YDP MAINPP, YB Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man telah menyerahkan bantuan kerusi roda di sekitar kawasan Permatang Pauh.

Dalam lawatan tersebut, En. Aswad b. Ali, 39 tahun, tidak mampu bekerja setelah tempat beliau mencari rezeki terpaksa memberhentikan operasi atas sebab-sebab tertentu, kini beliau tiada punca pendapatan untuk menanggung keluarga dan hanya mengharapkan bantuan daripada jiran dan juga saudara mara terdekat. En. Aswad yang mempunyai masalah penyakit dikaki yang terpaksa dirawat dengan segera juga menerima bantuan kerusi roda.

Permohonan bantuan kewangan kepada En. Aswad akan dipercepatkan dan akan disusuli dengan bantuan bulanan.

Bantuan Kewangan Bulanan

Affeirul Annas

Harian Metro

#kualalumpur "Saya terpaksa melakukan demikian (muat naik status memohon sumbangan) kerana dalam keadaan terdesak sukar mendapat pekerjaan selain tidak mampu meneruskan perniagaan." - Annas. <http://bit.ly/2CSis96>



"Saya dah terdesak..."
"ALHAMDULILLAH, ada yang hubungi saya dan beri sumbangan, menawarkan pekerjaan kepada saya, tawarkan...
<http://metro.com.my>

9 JANUARI 2018, Bayan Lepas - Team Peduli Asnaf Zakat telah menemui saudara Affeirul Annas Azzandry Azizan bagi mengaturkan bantuan sarahidup yang sesuai buat beliau. Beliau dilaporkan menghidap Gangguan Obsesif Kompulsif (OCD) dan kemurungan. Kisah kesulitan hidup beliau tular di media sosial setelah dilaporkan oleh akhbar Harian Metro pada 8 Januari 2018 lalu. Bantuan Awal Persekutuan untuk anak-anaknya turut telah diluluskan bagi meringankan kos yang ditanggung beliau. Kami turut menyeru semua pihak agar bersama membantu serta mendoakan sahabat kita ini. Terima kasih kerana terus berzakat di Zakat Pulau Pinang.

Penanti,
Seberang Perai Tengah

Anak Mengidap Kanser Tulang

8 JANUARI 2018, Penanti - Team Peduli Asnaf Zakat menziarahi seorang asnaf yang anaknya mengidap kanser tulang. Ketika dihubungi, Puan Rosna sedang berada di sekolah menghantar makanan dan menemanai anaknya makan pada waktu rehat. Keluarga asnaf ini turut telah menerima bantuan zakat sebelum ini beberapa kali bagi meringankan beban mereka. Puan Rosna memaklumkan doktor akan menentukan satu tarikh baru untuk pembedahan menggantikan tulang paha kiri anaknya. Zakat yang ditunaikan di Zakat Pulau Pinang akan diaturkan untuk membantu mereka agar meringankan kesulitan. Doakan moga Allah memberi kesembuhan buat anak ini. Terima kasih kerana terus berzakat di Zakat Pulau Pinang.

Nibong Tebal,
Seberang Perai Selatan

Lawatan Susulan Penerima Bantuan Katil



8 FEBRUARI 2018, Nibong Tebal - En Zawawi Ahmad, 33 tahun dari Nibong Tebal, kini terlantar lumpuh akibat daripada terjatuh dan mengalami kecederaan serius di kepala. Perbelanjaan membeli susu khas dan lampin pakai buang terlalu tinggi setiap bulan. Isterinya kini terpaksa menanggung segala tugas yang selama ini ditanggung oleh suaminya termasuk perbelanjaan bulanan rumah, kereta dan seorong anak yang masih bersekolah. Bagi meringankan beban isteri dalam menguruskan suaminya itu, ZPP telah menyumbangkan bantuan katil khas yang berjumlah RM 2,850.00

Pongsu Seribu,
Seberang Perai Utara



Pendaftaran Pelajar Inapan Kasih Sayang 2018

27 Dis 2017, Pongsu Seribu : Seramai 37 pelajar baru sesi 2018 telah melaporkan diri untuk mendaftar masuk ke Kompleks Inapan Kasih Sayang (IKS), kaunter pendaftaran telah dibuka seawal jam 9 pagi. Bagi penghuni lama, mereka akan mula melaporkan diri ke IKS pada 1 Januari 2018.

Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Ustaz Mohamad Kairi Bin Ghazali dan disusuli dengan penyerahan kelengkapan pakaian seragam persekolahan kepada pelajar baharu.

Untuk maklumat, semua kos perbelanjaan pelajar di IKS ditanggung sepenuhnya oleh ZPP dan para pelajar akan bersekolah di sekitar kawasan berkenaan. Sebanyak RM1.3 juta setahun diperlukan bagi membiayai pengurusan Kompleks IKS dan perbelanjaan para pelajar.

Ibu Pejabat ZPP
Bukit Mertajam



Bancian Fakir Miskin 2018

Bahagian Fitrah & Qaryah ZPP dengan kerjasama Jawatankuasa Kariah setiap tahun akan turun padang menyemak status terkini keluarga asnaf fakir dan miskin agar bantuan zakat yang disalurkan bertepatan dengan keperluan sesebuah keluarga. Ini penting kerana, pihak kami sering menerima aduan bahawa ada keluarga asnaf yang kelihatan tidak lagi layak menerima bantuan zakat. Yang telah keluar dari asnaf akan dikeluarkan dari senarai, sementara asnaf yang lebih perlu akan dimasukkan sebagai penerima baru.

Tahun ini, ZPP akan meneruskan bancian di daerah Barat daya. Dijangkakan lebih kurang 1,220 keluarga di daerah ini akan dibenci semula.

Kemaskini kali ini memfokuskan kepada penerima saguhati Hari Raya ZPP. Ianya berdasarkan maklumat keluarga asnaf sedia ada yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Kariah.





8 MAC 2018, Perak - ZPP telah melakukan lawatan ke 3 pusat jagaan warga emas dan mental di negeri Perak. Lawatan pertama ialah di Chemor iaitu Pusat Jagaan Harmoni di mana ZPP telah menanggung seramai 6 orang pesakit mental. Untuk lawatan kedua iaitu di Pusat Jagaan Warga Emas Al-Ikhlas Rozy yang terletak di Kemunting. Di sini, ZPP menanggung seramai 9 orang pesakit mental dan seorang pesakit terlantar. Untuk lawatan terakhir iaitu Pusat Jagaan Warga Emas Aminur Ain (Lelaki), hanya menempatkan dua orang warga emas yang dibantu oleh ZPP. Semua warga emas dan juga pesakit mental adalah dari kalangan keluarga asnaf fakir miskin Pulau Pinang.

Pusat Jagaan Warga Emas dan Pesakit Mental

Keseluruhan semua pesakit dan juga warga emas tersebut adalah seramai 18 orang. ZPP memperuntukkan sebanyak RM700 sebulan untuk setiap seorang pesakit bagi meringankan yuran bulanan yang terpaksa ditanggung oleh pihak keluarga mereka. Jumlah keseluruhan bagi bantuan ialah sebanyak RM12,600 setiap bulan.



Kursus Gerak Asnaf Bengkel Makanan ZPP

7 MAC 2018, Permatang Pauh - Kursus Bengkel Masakan yang diadakan di Kolej Komuniti Seberang Jaya selama 5 hari ini telah disertai oleh 20 orang peserta dari bengkel Gerak Asnaf Catering sellian Projek ZPP. Tujuan utama kursus diadakan adalah bagi memperbaiki serta meningkatkan kemahiran sedia ada di kalangan peserta bengkel. Selain itu, menu baharu juga di perkenalkan kepada peserta iaitu masakan berupa 'paste' atau perencah segera. 'Paste' yang dihasilkan ini bertujuan bagi memudah dan mempercepatkan masakan para peserta Gerak Asnaf Catering ZPP dalam menerima tempahan.



Penang International Halal & Conference 2018 (PIHEC) kali ke-9

28 JANUARI 2018, Bayan Baru - ZPP telah mengambil peluang untuk menyertai Penang International Halal & Conference 2018 (PIHEC) kali ke-9 yang diadakan di SPICE Arena pada 26-28 Januari 2018. Ekspos tahunan tersebut mendapat sambutan amat menggalakkan dari para pengunjung. Rata-rata pengunjung memberi reaksi positif sepanjang ekspos berlangsung. Pengunjung yang hadir ke booth ZPP tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan info-info terkini selain membuat pendaftaran dalam Skim Potongan Zakat Bulanan.



PNB

Zakat Perniagaan bagi haul
2017

RM11,592,000.00



BELATI WANGSA

Zakat Perniagaan bagi haul
2017

RM147,315.00



GITN SDN BHD

Zakat Perniagaan bagi haul
2017

RM93,333.33

Tahukah Anda ?

8

Terjumpa Asnaf?

Anda PRIHATIN?
Lapor kepada kami SEGERA!!

TEAM PEDULI ASNAF ZAKAT
018 - 399 4313
018 - 399 4345

HUBUNGI
04-549 8088
1300 88 8808

LAYARI
zakatpenang

EMAIL
admin@zakatpenang.com

ZAKAT PULAU PINANG

Jom Tunai Zakat Melalui **ONLINE**

ZAKAT PULAU PINANG

PERBANKAN INTERNET & JomPAY

Maybank RHB Bank BANK ISLAM BANK RAKYAT

AFFIN BANK CIMB BANK AmBank Group

zakatpenang 04-549 8088

Zakat Prihatin

ZAKAT PULAU PINANG

Terima Kasih Pembayar Zakat

Kerana Menunaikan Zakat & Bersama Kami
Menyantuni Asnaf Sepanjang Tahun 2017

RM99.8 Juta

Wang Zakat Anda Kami Agihkan Kepada Asnaf Sepanjang 2017

www.zakatpenang.com

"Asnaf Disantuni, Pembayar Dihargai"

ZAKAT PULAU PINANG

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,

Tel : 04-549 8088

Faks: 04-530 6466